Bagaimana minyak terbentuk? (‘How Was Oil Formed?’)

Minyak terbentuk daripada pereputan haiwan dan tumbuhan yang hidup berjuta – juta tahun yang lalu yang tinggal di dalam persekitaran air sebelum dinosaur. Lebih daripada berjuta – juta tahun, reputan haiwan – haiwan dan tumbuhan – tumbuhan ini ditutupi dengan lapisan pasir dan kelodak. Haba dan tekanan daripada lapisan – lapisan ini membantu ia berubah bentuk kepada minyak mentah. Perkataan ‘petroleum’ bermakna ‘minyak batuan’ atau ‘minyak dari Bumi’.

(‘Oil was formed from the remains of animals and plants (diatoms) that lived millions of years ago in a marine (water) environment before the dinosaurs. Over millions of years, the remains of these animals and plants were covered by layers of sand and silt. Heat and pressure from these layers helped the remains turn into what we today call crude oil. The word "petroleum" means "rock oil" or "oil from the earth.”’)



Tumbuhan dan haiwan sereni mati dan tertanam di dasar laut. Masa berlalu, mereka dilapisi lapisan – lapisan kelodak dan pasir.
['Tiny sea plants and animals died and were buried on the ocean floor. Over time, they were covered by layers of silt and sand']



Masa berjuta – juta tahun berlalu, reputan tertanam semakin dalam dan dalam. Haba dan tekanan yang sangat kuat menukarkan mereka kepada gas dan minyak.
['Over millions of years, the remains were buried deeper and deeper. The enormous heat and pressure turned them into gas and oil']



Hari ini, kita menggali menerusi pelbagai lapisan pasir, kelodak dan batuan untuk capai lapisan batuan yang mengandungi mendapan minyak dan gas.
['Today, we drill down through layers of sand, silt and rock to reach the rock formations that contains the oil and gas deposits']

Lihat video di bawah untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana minyak terbentuk:

('Watch the following video about how the crude oil is formed')

Video 1

Video 2

Minyak mentah adalah berbau, berwarna kekuningan ke hitam dan ia selalunya dijumpai di dalam tanah di satu kawasan yang dipanggil takungan. Para saintis dan jurutera mengkaji kawasan yang dipilih mengenai sample batuan dari Bumi. Apabila pengiraan telah dibuat, dan kawasan tersebut dikatakan mempunyai minyak, aktiviti mengorek akan dimulakan. Di atas lubang, satu struktur yang dikenali sebagai 'derrick' akan dibina untuk menempatkan peralatan dan paip – paip yang menuju ke takungan minyak. Apabila selesai, takungan minyak di mana minyaknya akan disalurkan ke permukaan.

('Crude oil is a smelly, yellow-to-black liquid and is usually found in underground areas called reservoirs. Scientists and engineers explore a chosen area by studying rock samples from the

earth. Measurements are taken, and, if the site seems promising, drilling begins. Above the hole, a structure called a 'derrick' is built to house the tools and pipes going into the well. When finished, the drilled well will bring a steady flow of oil to the surface.')

Minyak dan Alam Sekitar ('Oil and the Environment')

Hasil daripada minyak (hasil petroleum) membantu kita dalam banyak perkara. Kita gunakan hasil petroleum sebagai bahan bakar kapal terbang, kereta, dan lori, dan juga menghasilkan ubat – ubatan dan produk – produk plastik. Walaubagaimanapun, penggunaan hasil petroleum boleh mengancam alam sekitar seperti pencemaran udara dan air.

('Products from oil (petroleum products) help us do many things. We use them to fuel our airplanes, cars, and trucks, and to make products like medicines and plastics. But using them can harm the environment through air and water pollution.')

Lihat video di bawah untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana minyak mengalami proses penyulingan:

('Watch the following video about how the crude oil undergo fractional distillation process')

Video 1 - Menerangkan konsep asas Penyulingan Terbahagi

('Video 1 - Explain the basic of Fractional distillation')

Video 2 - Menerangkan asas Penapisan Petroleum

('Video 2 - Explain the basic of Petroleum Refining Process')

Pengeluaran dan hasil sampingan terhasilkan akibat pembakaran produk – produk petroleum. Produk – produk petroleum menghasilkan pengeluaran berikut apabila ia dibakar sebagai bahan bakar :

('Emissions and byproducts are produced from burning petroleum products. Petroleum products give off the following emissions when they are burned as fuel')

-Karbon dioksida (CO₂) (*'Carbon dioxide (CO₂)'*)

-Karbon monoksida (CO) (*'Carbon monoxide (CO)'*)

-Sulfur dioksida (SO₂) (*'Sulfur dioxide (SO₂)'*)

-Nitrogen oksida (NOX) dan Kompoun Organik Mudah Meruap (VOC) (*'Nitrogen oxides (NOX) and Volatile Organic Compounds (VOC)'*)

-Jirim tertentu (*'Particulate matter (PM)'*)

-Plumbum dan pelbagai gas toksik seperti benzene, formaldehyde, acetaldehyde, dan 1,3-butadiene mungkin dihasilkan apabila terdapat beberapa jenis petroleum dibakar.

(*'Lead and various air toxics such as benzene, formaldehyde, acetaldehyde, and 1,3-butadiene may be emitted when some types of petroleum are burned.'*)

Hampir semua hasil – hasil sampingan ini mempunyai kesan negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia :

(*'Nearly all of these byproducts have negative impacts on the environment and human health'*)

-Karbon dioksida merupakan gas rumah hijau dan sumber kepada pemanasan global.

(*'Carbon dioxide is a greenhouse gas and a source of global warming'*).

-SO₂ menyebabkan hujan asid, yang mana mengancam tumbuhan dan haiwan yang tinggal di dalam air, dan ia memudaratkan penyakit respiratori dan jantung, khususnya untuk kanak – kanak dan orang tua.

(**'SO₂ causes acid rain, which is harmful to plants and to animals that live in water, and it worsens or causes respiratory illnesses and heart diseases, particularly in children and the elderly.'**)

-NOX dan VOC menyumbangkan kepada pemusnahan lapisan ozon, dan juga menyebabkan keradangan dan merosakkan paru – paru.

(*'NOX and VOCs contribute to ground-level ozone, which irritates and damages the lungs.'*)

-PM menyebabkan keadaan berjerebu di Bandar dan kawasan sekitar, menyebabkan asma dan bronkitis kronik, terutama kanak – kanak dan orang tua. 'PM yang seni' (sangat – sangat kecil) juga menyebabkan emfisema dan kanser paru – paru.

(*'PM results in hazy conditions in cities and scenic areas, and, along with ozone, contributes to asthma and chronic bronchitis, especially in children and the elderly. Very small, or "fine PM" is also thought to cause emphysema and lung cancer.'*)

-Plumbum memberikan kesan kematian kepada kesihatan, terutama kanak – lanak, dan gas toksik kemungkinan bersifat karsinogen.

(‘Lead can have severe health impacts, especially for children, and air toxics are known or probable carcinogens.’)

GAS ASLI – ASAS (‘NATURAL GAS - BASICS’)

Bagaimana Gas Asli Terbentuk? (‘How Was Natural Gas Formed?’)

Kandungan utama gas asli ialah metana, satu gas (atau kompoun) terdiri daripada satu atom karbon dan empat atom hidrogen. Berjuta – juta tahun yang lalu, reputan tumbuhan dan haiwan mereput dan terbentuk menjadi lapisan – lapisan tebal. **Jirim tumbuhan dan haiwan yang reput ini dipanggil sebagai bahan organik** – benda hidup satu ketika dulu. Masa berlalu, pasir dan kelodak berubah menjadi batu, menutupi bahan organik, dan terperangkap di bawah batuan. **Tekanan dan haba merubah sebahagian bahan organik kepada arang batu, sebahagian menjadi minyak (petroleum) dan sebahagian lagi kepada gas asli – gas yang tidak berbau.**

(‘The main ingredient in natural gas is methane, a gas (or compound) composed of one carbon atom and four hydrogen atoms. Millions of years ago, the remains of plants and animals (diatoms) decayed and built up in thick layers. This decayed matter from plants and animals is called organic material — it was once alive. Over time, the sand and silt changed to rock, covered the organic material, and trapped it beneath the rock. Pressure and heat changed some of this organic material into coal, some into oil (petroleum), and some into natural gas — tiny bubbles of odorless gas.’)

Bagaimana Kita Menperolehi Gas Asli (‘How Do We Get Natural Gas?’)

Pencarian gas asli dimulakan dengan ahli geologi, yang mengkaji struktur dan proses Bumi. Mereka mengenalpasti jenis batuan yang difikirkan mempunyai potensi mengandungi gas dan mendapan minyak.

(‘The search for natural gas begins with geologists, who study the structure and processes of the Earth. They locate the types of rock that are likely to contain gas and oil deposits.’)

Hari ini, alat ahli geologi termasuk **tinjauan seismik** yang digunakan untuk mencari kawasan yang betul untuk mengorek perigi minyak. **Tinjaun seismik menggunakan gema dari sumber getaran di permukaan Bumi (selalunya pad getaran yang terletak di bawah sebuah trak) untuk mengumpulkan maklumat mengenai batuan di dalam Bumi.** Kadangkala menggunakan sedikit bahan letupan untuk menghasilkan getaran yang diperlukan.

('Today, geologists' tools include seismic surveys that are used to find the right places to drill wells. Seismic surveys use echoes from a vibration source at the Earth's surface (usually a vibrating pad under a truck built for this purpose) to collect information about the rocks beneath. Sometimes it is necessary to use small amounts of dynamite to provide the vibration that is needed.')

Lihat video di bawah untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana tinjauan seismik dilakukan :

('Watch the following video to know more about the seismic surveys')

Para saintis dan jurutera mengkaji kawasan yang dipilih dengan mengkaji sampel batuan dari Bumi dan membuat kiraan. Jika kawasan tersebut berpotensi, kerja – kerja mengorek dimulakan. Sebahagian daripada kawasan ini berada di darat tetapi banyak yang berada di laut. Apabila gas ditemui, ia kemudian dialirkan keluar menerusi perigi ke permukaan dan ke dalam saluran paip. *('Scientists and engineers explore a chosen area by studying rock samples from the earth and taking measurements. If the site seems promising, drilling begins. Some of these areas are on land but many are offshore, deep in the ocean. Once the gas is found, it flows up through the well to the surface of the ground and into large pipelines.')*

Ada gas yang diperolehi bersama – sama metana, seperti butana dan propana (juga dikenali sebagai 'hasil sampingan'), diasingkan dan dibersihkan di loji pemprosesan gas. Hasil sampingan, apabila diasingkan, digunakan dalam pelbagai cara. Contohnya, propana boleh digunakan untuk memasak.

('Some of the gases that are produced along with methane, such as butane and propane (also known as "by-products"), are separated and cleaned at a gas processing plant. The by-products, once removed, are used in a number of ways. For example, propane can be used for cooking on gas grills.')

Menyalurkan Gas Asli ke Pengguna ('Getting Natural Gas to Users')

Gas asli disimpan terlebih dahulu sebelum disalurkan kepada pengguna. Ia disalurkan melalui saluran paip dari kawasan penghasilan ke pengguna.

('Natural gas is often stored before it is delivered. Natural gas is moved by pipelines from the producing fields to consumers.')

Apabila disejukkan pada suhu yang rendah, lebih kurang -260°F, gas asli boleh berubah bentuk menjadi cecair dan boleh disimpan. Gas asli cecair (LNG) boleh ditempatkan ke dalam kapal tangki (kapal besar dengan beberapa tangki besar). Dan kemudian ditukarkan kembali ke dalam bentuk gas apabila ia sedia dimasukkan ke dalam saluran paip.

('When chilled to very cold temperatures, approximately -260°F, natural gas changes into a liquid and can be stored in this form. Liquefied natural gas (LNG) can be loaded onto tankers (large ships with several domed tanks). And then it turned back into gas when it's ready to put in the pipelines.')

Bagaimana Gas Asli Digunakan ('How Natural Gas Is Used')

Gas asli digunakan untuk menghasilkan keluli, kaca, kertas, pakaian, batu bata, elektrik dan sebagai bahan mentah penting dalam penghasilan pelbagai produk. Sebahagian produk tersebut ialah cat, baja, plastik, bahan anti-beku, pewarna, filem fotografik, ubat – ubatan dan bahan letupan.

('Natural gas is used to produce steel, glass, paper, clothing, brick, electricity and as an essential raw material for many common products. Some products that use natural gas as a raw material are: paints, fertilizer, plastics, antifreeze, dyes, photographic film, medicines, and explosives.')

Gas asli juga digunakan di rumah untuk menyalakan dapur, pemanas air, pewarna pakaian dan lain – lain peralatan elektrik.

('Natural gas is also used in homes to fuel stoves, water heaters, clothes dryers, and other household appliances.')

Gas Asli dan Alam Sekitar ('Natural Gas and the Environment')

Gas asli juga boleh menyebabkan pencemaran udara. **Pembakaran gas asli adalah lebih bersih berbanding dengan bahan bakar fosil yang lain. Ia menghasilkan sedikit sulfur, karbon dan nitrogen berbanding arang batu dan minyak,** dan apabila ia dibakar, ia tidak meninggalkan sebarang zarah – zarah abu.

('Natural gas use contributes to air pollution. Natural gas burns more cleanly than other fossil fuels. It has fewer emissions of sulfur, carbon, and nitrogen than coal or oil, and when it is burned, it leaves almost no ash particles.')

Walaupun, sama seperti bahan bakar fosil yang lain, pembakaran gas asli

menghasilkan karbon dioksida iaitu gas rumah hijau. Gas rumah hijau menyumbang kepada 'kesan rumah hijau'.

('However, as with other fossil fuels, burning natural gas produces carbon dioxide which is a greenhouse gas. Greenhouse gases contribute to the "greenhouse effect."')

Gas asli juga memberi kesan kepada alam sekitar apabila ia dihasilkan, disimpan dan diangkut. Disebabkan gas asli terdiri daripada metana yang tinggi kandungannya (gas rumah hijau yang lain), sedikit metana kadang kala boleh terlepas keluar ke atmosfera dari perigi, tangki simpanan dan saluran paip.

('As with other fuels, natural gas also affects the environment when it is produced, stored, and transported. Because natural gas is made up mostly of methane (another greenhouse gas), small amounts of methane can sometimes leak into the atmosphere from wells, storage tanks, and pipelines.')

ARANG BATU – ASAS ('COAL - BASICS')

Arang batu mengambil masa berjuta – juta tahun untuk terbentuk. **Arang batu ialah batuan mendapan berwarna hitam atau perang kehitaman yang mudah terbakar yang terdiri daripada karbon dan hidrokarbon.**

('Coal takes millions of years to create. Coal is a combustible black or brownish-black sedimentary rock composed mostly of carbon and hydrocarbons.')


Arang batu merupakan sumber tenaga tidak boleh diperbaharui kerana ia mengambil masa berjuta – juta tahun untuk terbentuk. Tenaga di dalam arang batu berasal daripada tenaga yang tersimpan oleh tumbuhan yang hidup beratus juta tahun yang lalu, apabila Bumi sebahagiannya dilitupi dengan hutan paya.

('Coal is a nonrenewable energy source because it takes millions of years to create. The energy in coal comes from the energy stored by plants that lived hundreds of millions of years ago, when the Earth was partly covered with swampy forests.')

Untuk selama berjuta – juta tahun, satu lapisan tumbuhan yang telah mati pada dasar paya dilitupi dengan air dan kotoran, memerangkap tenaga tumbuhan yang mati. Haba dan tekanan dari lapisan atas membantu memampatkan reputan tumbuhan bertukar menjadi arang batu.

('For millions of years, a layer of dead plants at the bottom of the swamps was covered by layers of water and dirt, trapping the energy of the dead plants. The heat and pressure from the top

layers helped the plant remains turn into what we today call coal.'



Sebelum dinosaur, banyak tumbuhan besar mati di paya.
(Before the dinosaurs, many giant plants died in swamps)



Selama beberapa juta tahun, tumbuhan tertanam di bawah air dan kotoran.
(Over millions of years, the plants were buried under water and dirt)



Haba dan tekanan menukarkan tumbuhan yang mati kepada arang batu.
(Heat and pressure turned the dead plants into coal)

Kegunaan Arang Batu ('Uses of Coal')

Arang batu digunakan untuk menjana elektrik. Arang batu digunakan sebagai sumber tenaga utama dalam kebanyakan industri seperti industri keluli, simen dan kertas.

(The coal is used for generating electricity. The coal is used as a basic energy source in many industries including steel, cement, and paper.)

Arang batu banyak digunakan untuk menghasilkan elektrik. Loji kuasa membakar arang batu untuk menghasilkan stim. Stim akan memusingkan turbin (mesin untuk menjana kuasa mekanikal) yang menjana elektrik.

(Coal is mainly used to create electricity. Power plants burn coal to make steam. The steam turns turbines (machines for generating rotary mechanical power) that generate electricity.)

Pelbagai industri menggunakan arang batu dan hasil sampingannya. **Kandungan bahan arang batu (seperti metanol dan etilena) digunakan dalam membuat plastik, serat sintetik, baja dan ubat – ubatan.**

(A variety of industries use coal's heat and by-products. Separated ingredients of coal (such as

methanol and ethylene) are used in making plastics, tar, synthetic fibers, fertilizers, and medicines.')

Arang batu juga digunakan untuk membuat keluli. Arang batu dibakar di dalam relau untuk membentuk kok (hampas arang batu), yang mana ia digunakan untuk melebur bijih besi menjadi besi yang diperlukan dalam pembuatan keluli. Suhu yang amat tinggi hasil penggunaan kok yang memberi keluli kekuatan dan sifat fleksibel untuk membina jambatan, bangunan dan kenderaan. (*'Coal is also used to make steel. Coal is baked in hot furnaces to make coke, which is used to smelt iron ore into iron needed for making steel. It is the very high temperatures created from the use of coke that gives steel the strength and flexibility for things like bridges, buildings, and automobiles.'*)

Industri konkrit dan kertas juga menggunakan arang batu dengan jumlah yang besar. (*'The concrete and paper industries also use large amounts of coal.'*)

Arang Batu dan Alam Sekitar ('Coal and the Environment')

Tanpa tindakan yang betul, perlombongan arang batu boleh memberi kesan negatif terhadap ekosistem dan kualiti air dan merubah landskap dan permandangan. Puing yang menghalang aliran air hasil daripada permukaan kawasan perlombongan seperti pemusnahan bahagian puncak gunung, dan air berasid boleh dialirkan dari kawasan perlombongan yang ditinggalkan.

('Without proper care, coal mining can have a negative impact on ecosystems and water quality and alter landscapes and scenic views. Debris that chokes mountain streams can result from surface mining like mountaintop removal, and acidic water can drain from abandoned underground mines.')

Pembakaran arang batu menghasilkan beberapa jenis pengeluaran dan hasil sampingan yang kurang baik terhadap alam sekitar. Lima bahan utama yang berasosiasi dengan penggunaan arang batu dalam sektor tenaga adalah :

('The combustion of coal produces several types of emissions and byproducts that adversely affect the environment. The five principal emissions associated with coal consumption in the energy sector are')

-Sulfur dioksida (SO₂), merupakan kandungan hujan asid dan meningkatkan penyakit respiratori.

(‘Sulfur dioxide (SO₂), which has been linked to acid rain and increased incidence of respiratory illnesses’)

-Nitrogen oksida (NO_x), yang mana terlibat dalam pembentukan hujan asid dan kabus fotokimia yang tebal.

(‘Nitrogen oxides (NO_x), which have been linked to the formation of acid rain and photochemical smog’)

-Zarah – zarah tertentu, merupakan kandungan hujan asid dan meningkatkan penyakit respiratori.

(‘Particulates, which have been linked to the formation of acid rain and increased incidence of respiratory illnesses’)

-Karbon dioksida (CO₂), yang merupakan gas rumah hijau yang utama yang dihasilkan dari penggunaan tenaga.

(‘Carbon dioxide (CO₂), which is the primary greenhouse gas emission from energy use.’)

-Merkuri, yang dikaitkan dengan kerosakan perkembangan neurologi kepada manusia dan haiwan lain. Kepekatan merkuri di dalam udara selalunya rendah dan tidak membimbangkan. Namun, apabila merkuri memasuki air – sama ada secara terus atau menerusi pemendapan daripada udara – proses biologi menukarkan ia kepada metilmerkuri, bahan kimia toksik tinggi yang terkumpul di dalam ikan dan haiwan (termasuk manusia) yang makan ikan.

TENAGA : PENGGUNAAN DAN PENJIMATAN (‘USING AND SAVING ENERGY’)

Semua kita menggunakan tenaga setiap hari – untuk pengangkutan, memasak, memanaskan dan menyejukkan bilik, pembuatan, pencahayaan dan hiburan. Pilihan terletak di tangan kita bagaimana kita menggunakan tenaga – mematikan mesin apabila tidak menggunakannya atau memilih untuk membeli peralatan yang efisien penggunaan tenaganya – memberi kesan kepada alam sekitar dan cara hidup kita.

(‘All of us use energy every day — for transportation, cooking, heating and cooling rooms, manufacturing, lighting, and entertainment. The choices we make about how we use energy — turning machines off when we’re not using them or choosing to buy energy efficient appliances — impact our environment and our lives.’)

Dengan penggunaan tenaga yang jimat membantu menyelamatkan sumber – sumber tenaga semula jadi seperti gas asli, minyak dan air dan juga membantu mengurangkan bil utiliti.

(‘By saving energy you’re helping to save the world’s energy resources like natural gas, oil and water and you’re also saving money on your utility bills.’)

Sesetengah tenaga yang digunakan oleh kita ialah tenaga yang boleh diperbaharui. Ini termasuk suria, angin, geothermal dan hidro. Jenis tenaga ini adalah boleh diperbaharui atau boleh dijana semula.

(‘Some of the energy we can use is called renewable energy. These include solar, wind, geothermal and hydro. These types of energy are constantly being renewed or restored.’)

Tetapi banyak bentuk tenaga yang digunakan di rumah dan kereta tidak boleh diganti. Bahan bakar fosil mengambil masa berjuta – juta tahun untuk dibentuk.

(‘But many of the other forms of energy we use in our homes and cars are not being replenished. Fossil fuels took millions of years to create.’)

Dan sumber – sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui ini mempunyai jumlah had tertentu. Ini bermakna ia tidak boleh dijana atau diganti semula. Apabila ia telah tiada, ia tidak boleh digunakan lagi. Jadi kita perlu memainkan peranan yang sebaik mungkin untuk menjimatkan tenaga.

(‘And there are finite or limited amounts of these non-renewable energy sources. That means they cannot be renewed or replenished. Once they are gone they cannot be used again. So, we must all do our part in saving as much energy as we can.’)

Istilah **pemuliharaan tenaga dan kecekapan (efisien) tenaga** adalah dua istilah yang sangat berbeza tapi berkait. Terdapat banyak perkara yang kita boleh lakukan untuk **mengurangkan penggunaan tenaga (pemuliharaan) dan menggunakan tenaga dengan bijak (efisien).**

(‘The terms energy conservation and energy efficiency have two distinct definitions but related. There are many things we can do to use less energy (conservation) and use it more wisely (efficiency).’)

Pemuliharaan tenaga adalah sebarang tindakan yang mengurangkan penggunaan tenaga. Mematikan lampu apabila meninggalkan bilik dan kitar semula tin minuman aluminium merupakan cara – cara pemuliharaan tenaga.

(‘Energy conservation is any behavior that results in the use of less energy. Turning the lights off when you leave the room and recycling aluminum cans are both ways of conserving energy.’)

Kecekapan tenaga ialah penggunaan teknologi yang memerlukan kurang tenaga untuk menjalankan fungsi yang sama. Menggunakan tenaga secara bijak bermaksud menggunakan tenaga dengan cekap dan efisien. Dengan menggunakan tenaga secara bijak kita boleh mengurangkan bahan pencemar di dalam udara dan air, menghasilkan alam sekitar yang lebih baik kepada semua.

('Energy efficiency is the use of technology that requires less energy to perform the same function. Using energy wisely means being efficient. Best of all, by using energy wisely we can cut down on pollutants in the air and water, making a better environment for everyone.')

Mentol lampu pendarfluor kompak yang mana menggunakan kurang tenaga berbanding mentol pijar untuk menghasilkan jumlah cahaya yang sama adalah contoh penggunaan tenaga yang cekap. Walaubagaimanapun, keputusan untuk menukar mentol lampu pijar kepada mentol lampu pendarfluor kompak adalah satu tindakan pemuliharaan tenaga.

('A compact fluorescent light bulb that uses less energy than an incandescent bulb to produce the same amount of light is an example of energy efficiency. However, the decision to replace an incandescent light bulb with a compact fluorescent is an act of energy conservation.')

Kitar Semula ('Recycling')

Ia selalunya menggunakan kurang tenaga untuk menghasilkan produk daripada bahan yang dikitar semula berbanding menggunakan bahan yang baru.

('It almost always takes less energy to make a product from recycled materials than it does to make it from new materials.')

Kitar semula bermaksud menggunakan semula sesuatu benda. Suratkhbar boleh digunakan semula untuk menghasilkan suratkhbar yang baru. Tin minuman aluminium boleh digunakan untuk membuat tin minuman aluminium yang baru. Jar kaca boleh digunakan untuk membuat jar kaca yang baru. **Kitar semula selalunya jimat tenaga dan sumber – sumber semula jadi.**

('Recycling means to use something again. Newspapers can be used to make new newspapers. Aluminum cans can be used to make new aluminum cans. Glass jars can be used to make new glass jars. Recycling often saves energy and natural resources.')

Sumber – sumber semula jadi adalah benda – benda yang bernilai yang diperolehi dari Bumi.

Sumber – sumber semula jadi termasuk tanah, tumbuhan, mineral dan air. **Apabila kita**

menggunakan sesuatu bahan lebih daripada sekali, kita telahpun memulihara sumber – sumber semula jadi.

(‘Natural resources are things of value provided by the Earth. Natural resources include land, plants, minerals, and water. By using materials more than once, we conserve natural resources.’)

Kitar semula menjimatkan penggunaan tenaga dalam penghasilan produk baru. Ia selalunya menggunakan kurang tenaga untuk menghasilkan produk daripada bahan yang dikitar semula berbanding menggunakan bahan yang baru. Menggunakan skrap aluminium yang dikitar semula untuk menghasilkan tin aluminium yang baru, sebagai contoh, menjimatkan penggunaan tenaga yang amat banyak (lebih kurang 95% di Amerika Syarikat) berbanding membuat tin aluminium daripada bijih bauksit, iaitu bahan mentah untuk membuat aluminium.

(‘Recycling saves energy in production of new products. It almost always takes less energy to make a product from recycled materials than it does to make it from new materials. Using recycled aluminum scrap to make new aluminum cans, for example, uses 95% less energy than making aluminum cans from bauxite ore, the raw material used to make aluminum.’)

Dalam kes kertas, kitar semula menyelamatkan pokok – pokok dan air. Membuat satu tan kertas daripada kertas yang dikitar semula menyelamatkan lebih kurang 17 pokok dan 50% kurang air (statistik Amerika Syarikat).

(‘In the case of paper, recycling saves trees and water. Making a ton of paper from recycled paper saves up to 17 trees and uses 50% less water.’)

Beberapa langkah untuk menjimatkan tenaga.

(‘Here are a few things you can do to start saving more energy’)

Matikan lampu dan televisyen atau lain peralatan elektrik apabila tidak

menggunakannya. Pada siang hari, apabila di luar terang, buka langsir supaya cahaya matahari menyinari ruang dalam rumah daripada menyalakan lampu.

(‘The lights and television or other electrical appliances that use electrical energy, so when you leave the room, shut them off.’)

During the day, when it is brighter outside, open the curtains and use the sunlight instead of turning on the lights.’)

Jangan biarkan tingkap atau pintu luar terbuka apabila penghawa dingin dihidupkan. Ini menyebabkan alat penghawa dingin bekerja kuat dan menggunakan tenaga elektrik yang banyak

untuk menyejukkan rumah.

('Don't leave windows or outside doors open when the air conditioning is on. This makes the air conditioner has to work harder to heat and cool the house.')

Apabila keadaan di luar adalah hari yang panas, jemur baju di luar daripada menggunakan alat pengering.

('When you have a sunny day, help hang the clothes outside instead of using the dryer.')

Jangan biarkan air menitik di pili air. Periksa setiap sinki dan bilik air di dalam rumah untuk kebocoran. Kebocoran membazirkan air. Kebocoran pili air panas membazir air dan tenaga.

('Don't leave the water dripping in the faucet. Check each sink and toilet in your home for leaks. Leaky ones waste water. Leaky hot water faucets waste both water and energy.')

Matikan alat pengering pinggan mangkuk sebaik sebelum kitaran pengeringan dan biarkan udaranya kering.

('Turn off the dishwasher right before the drying cycle and let the dishes air dry.')

Jangan biarkan pintu peti sejuk terbuka. Fikirkan terlebih dahulu apa yang anda ingin ambil dari peti sejuk.

('Don't leave the refrigerator door open. Decide what you want BEFORE you open the door.')

Periksa pelekat pada pintu peti sejuk dengan menutupnya pintu dengan sekeping kertas. Tarik perlahan – lahan kertas tersebut dan lihat jika ia mendakap dengan baik pada pelekat pintu. Jika ia tertanggal dengan cepat, pelekat pintu itu tidak berapa elok untuk memerangkap udara sejuk di dalam peti sejuk dan memastikan udara panas tidak memasuki peti sejuk.

('Check the seal on your refrigerator door by closing the door on a slip of paper. Tug gently on the paper and see if it is held snugly in place by the door seal. If it slips right out, the door seal is not doing its job of keeping the cool air inside and the hot air out.')

Gunakan mentol lampu pendarfluor kompak berbanding lampu pijar. Mentol lampu pendarfluor kompak yang mana menggunakan kurang tenaga berbanding mentol pijar untuk menghasilkan jumlah cahaya yang sama, dan ini adalah contoh penggunaan tenaga yang cekap.

('Use a compact fluorescent light bulb than incandescent bulb. A compact fluorescent light bulb that uses less energy than an incandescent bulb to produce the same amount of light is an

example of energy efficiency.')

Kita juga boleh menjimatkan tenaga apabila menggunakan kenderaan. Pastikan tayar tidak kurang angin. Apabila kereta dinyalakan, pastikan penapis udara dan penapis minyak berfungsi dengan baik supaya ia dapat mengurangkan penggunaan minyak.

('We can also save energy in our cars and trucks. Make sure the tires are properly inflated. A car that is tuned up, has clean air and oil filters, and is running right will use less gasoline.')

Jangan sesekali menambah beban kereta. Setiap lebihan 100 pound, ia mengurangkan perbatuan sebanyak satu batu setiap gelen. Apabila membeli kereta baru, beli kereta yang menggunakan minyak dengan cekap dan beli kereta yang boleh pergi jauh setiap gelen.